



7 Februari 2013
7 February 2013
P.U. (A) 43

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI BELANJA PRAPERMULAAN BERHUBUNG DENGAN PEMBANGUNAN INTEGRASI KILANG PENAPISAN MINYAK DAN PETROKIMIA) 2013

INCOME TAX (DEDUCTION FOR PRE-COMMENCEMENT EXPENSES IN RELATION TO REFINERY AND PETROCHEMICAL INTEGRATED DEVELOPMENT) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI BELANJA PRA-PERMULAAN
BERHUBUNG DENGAN PEMBANGUNAN INTEGRASI KILANG PENAPISAN MINYAK DAN
PETROKIMIA) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Belanja Prapermulaan berhubung dengan Pembangunan Integrasi Kilang Penapisan Minyak dan Petrokimia) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2010.

Tafsiran

2. (1) Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“aktiviti yang layak” ertinya apa-apa aktiviti yang berikut, dijalankan oleh orang yang layak dalam Kompleks RAPID:

- (a) pengadunan, pemprosesan atau pemecahan minyak mentah, kondensat, suapan atau suapan pertengahan;
- (b) pengeluaran, pembuatan atau pembangunan keluaran petroleum, petrokimia, kimia, produk pertengahan, terakhir atau pengeluaran berkaitannya;
- (c) penyimpanan, perumusan, pengadunan, pengagihan atau pemasaran petroleum, petrokimia, kimia, produk pertengahan, terakhir atau pengeluaran berkaitannya;

- (d) pengegasan semula LNG kepada gas dan pengagihannya relevan; atau
- (e) penjanaan, pengagihan atau jualan semua bentuk utiliti termasuk tetapi tidak terhad kepada elektrik, air, wap, gas, hidrogen, udara atau pengolahan bahan buangan;

“Kompleks RAPID” ertinya suatu kompleks yang mengandungi loji pemecahan cecair, loji penapisan, loji petrokimia atau pengeluaran kimia dan semua kemudahan sokongan dan tambahan termasuk tetapi tidak terhad kepada cecair gas asli (LNG), Terminal Penerimaan dan Pengegasan Semula (RGT), loji berkuasa COGEN, kemudahan penyimpanan atau kemudahan pengolahan bahan buangan, dan terletak di Pengerang, Johor;

“orang yang layak” ertinya—

- (a) Petroliam Nasional Berhad;
- (b) mana-mana syarikat lain yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] yang Petroliam Nasional Berhad memegang sekurang-kurangnya 51 peratus modal berbayar dalam saham biasa; atau
- (c) mana-mana syarikat lain yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menjalankan aktiviti yang layak dalam Kompleks RAPID yang Petroliam Nasional Berhad memegang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, saham biasa di dalam syarikat itu.

(2) Bagi maksud Perintah ini, “RAPID” adalah singkatan bagi Pembangunan Integrasi Kilang Penapisan Minyak dan Petrokimia.

Potongan

3. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), dalam menentukan pendapatan larasan bagi orang yang layak daripada aktiviti yang layaknya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan belanja yang dilakukan oleh orang itu sebelum permulaan aktiviti yang layak itu.

(2) Perbelanjaan yang disebut dalam subkaedah (1) sebagaimana yang diterangkan dalam Jadual hendaklah dilakukan dalam tempoh empat tahun sebelum tarikh permulaan aktiviti yang layak dan tarikh itu hendaklah tidak awal dari 1 Oktober 2010.

(3) Perbelanjaan yang dilakukan di bawah Kaedah ini berhubung dengan aktiviti yang layak sebelum bermula aktiviti yang layak itu hendaklah disifatkan dilakukan pada hari aktiviti tersebut bermula.

Jadual
[Subkaedah 3(2)]

(a) Kos sumber manusia

- Emolumen pekerja dan perekrutan pekerja termasuk yuran yang dibayar kepada agensi perekrutan

(b) Kos perjalanan

- Penginapan
- Tambang penerbangan
- Elaun makan
- Tuntutan perjalanan

(c) Pajakan dan sewa

- Pajakan
- Sewa
- Utiliti